



17 Jun 2021
17 June 2021
P.U. (B) 338

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PENETAPAN DI BAWAH SEKSYEN 5

DESIGNATION UNDER SECTION 5

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MENTERI KEWANGAN (PEMERBADANAN) 1957

PENETAPAN DI BAWAH SEKSYEN 5

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 [*Akta 375*], Menteri menetapkan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, dan Setiausaha dan Timbalan Setiausaha, bahagian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal Menteri Kewangan (Pemerbadanan), Kementerian Kewangan, sebagai pegawai—

- (a) yang di hadapannya semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berkaitan dengan pentadbiran dan pelaksanaan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri Kewangan bagi maksud menyampaikan, melaksanakan atau menyempurnakan keputusan yang dibuat oleh Perbadanan yang memerlukan meterai Perbadanan hendaklah dimeteraikan; dan
- (b) yang dari kalangan mereka sekurang-kurangnya dua hendaklah menandatangani semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang padanya meterai itu dicapkan.

2. Penetapan di bawah Seksyen 5 [*P.U. (B) 336/2011*] yang disiarkan dalam *Warta* pada 22 Jun 2011 dibatalkan.

3. Walau apa pun perenggan 2, apa-apa tindakan yang telah diambil oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem & Kawalan), dan Setiausaha dan Timbalan Setiausaha, Bahagian Pelaburan, MKD dan Penswastaan di bawah P.U. (B) 336/2011 bagi tempoh 1 Januari 2014 hingga 17 Jun 2021 hendaklah disifatkan telah diambil oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, dan Setiausaha dan Timbalan Setiausaha, bahagian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal Menteri Kewangan (Pemerbadanan) sebagai pegawai yang ditetapkan di bawah seksyen 5 Akta di bawah Penetapan ini.